

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Perkara pelacuran sekarang sedang hebat diperbincangkan orang sehingga kongres telah diadakan kerananya. Berbagai sebab musabab telah dikupas oleh orang-orang atasnya: Mengapa maka terjadi banyak pelacuran. Ada yang mengatakan kerana perempuan muda berkahwin tua, kerana ekonomi, kerana cerai, kerana adanya buku-buku dan majalah-majalah yang dikatakan cabul. Berbagai macam sebab-sebab itu disebut dan cadangan-cadangan telah timbul untuk mencari ikhtiar mengurangkan atau menghapuskan pelacuran. Hukuman minta dikeraskan dan lain-lain lagi yang bakal dikemukakan kepada negara. Dalam semua perkara ini lupa mereka akan sebab-sebab yang besar yang tidak diendahkan oleh orang-orang kita baik lelaki atau perempuan iaitu (1) menanam jiwa tauhid kepada mereka itu semenjak dari kecilnya. Ajaran tauhid yang diajarkan itu hendaklah ajaran yang berkesan – bukan ajaran masuk telinga kanan keluar telinga kiri seperti yang ada diajarkan di sekolah-sekolah kita sekarang. (2) Hukuman-hukuman Islam mesti dilakukan dan dijalankan kerana kalau hukuman itu dijalankan kesannya lebih besar dan lebih mampan. Berzina hendaklah dihukum rejam hingga mati. Kalau hukum ini dijalankan orang berfikir dua kali hendak melakukannya tetapi jangan pula hukuman itu dijalankan berpihak-pihak kalau anak-anak raja atau pegawai-pegawai tidak dikenakan hukum – hukum mesti dijalankan sama rata – tidak seperti hukum *jum'ah* – sultan yang membuat hukum dan bertanggungjawab – ia sendiri tidak pernah

ke masjid bahkan tidak dikenakan hukum; kalau mencuri atau merompak potong tangan – dengan ini pencuri tidak akan berani mencuri tetapi kalau hukuman penjara sesudah keluar penjara ia mencuri lagi! Jadi untuk menghadapi pelacuran dan apa pun juga mustahak dijalankan hukum-hukum Islam sekalipun orang-orang Barat mengatakan kejam! Tetapi hukuman ini lebih berkesan terutamanya kalau dijalankan sama rata.

* * *

Sedikit masa dahulu, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman, di majlis am dikatakan telah menyatakan supaya orang-orang ahli agama menjauhkan diri daripada siasah (politik). Bagi orang Islam nasihat ini sudah tentu akan berlawanan dengan ajaran yang diterimanya: Islam menghendaki pemeluk-pemeluknya meyakinkan tauhid; Islam menyeru pemeluk-pemeluknya supaya menegakkan hukum-hukum Allah; Islam menghendaki pemeluk-pemeluknya memperbaikkan masyarakat dan kehidupannya; Islam menghendaki umatnya bernegara supaya hukum-hukum Allah terlaksana. Ini sebahagian daripada tuntutan Islam kepada pemeluk-pemeluknya dan sesiapa ingkar kepada tuntutannya maka ia akan berdosa dan akan ditanya kelak perihalnya. Maka oleh yang demikian orang suka bertanya: bagaimakah boleh agama dipisahkan daripada politik?.

* * *

Pemuda pemudi yang mendapat kelulusan Senior Cambridge tahun ini adalah seramai 6,000 orang.

Menurut perkiraan, kerja-kerja yang sesuai dengan mereka bagi kerajaan hanya ada untuk seribu orang sahaja.

Dari itu baginya adalah menjadi soal sedang dalam masa itu pula jumlah orang-orang yang tidak ada kerja kerja semakin banyak. Perusahaan-perusahaan besar berikhtiar mengurangkan orang-orangnya apatah lagi perusahaan-perusahaan kecil. Sebab mereka mengurangkan kakitangannya ialah kerana ada aturan-aturan pemerintah sekarang yang mengutamakan kepentingan sebahagian buruh lalu menerbitkan banyak orang-orang yang tidak ada kerja pada hal dahulunya kerja-kerja untuk mereka banyak. Kalau mahu banyak lagi tidak ada kerja maka molek pula diadakan peraturan baharu yang menindas perusahaan-perusahaan kecil atau pekedai-pekedai yang akhirnya tentu banyak pula orang-orang jadi korban tidak ada kerja. Jadi kalau dahulu, kita kekurangan orang untuk bekerja kerana peraturan bebas maka sekarang sesudah berkerajaan sendiri dan orang-orang kita memegang tumpuk pemerintahan penganggur-penganggur semakin banyak! Camkanlah hendaknya perkara ini!

* * *

Mr. Sjafruddin Prawiranegara Perdana Menteri Republik Revolusioner Indonesia telah mengisyiharkan untuk penangguhan Sukarno dan akan menggantungnya di hadapan ramai. Langkah Sjafruddin ini menurut pandangan orang – yang mengikut perjuangan di Indonesia, sudah terlambat. Hal Indonesia tidak akan terjadi begini jika dari permulaan dahulu Masyumi tegas pendiriannya. Sekarang sesudah Sukarno menjadikan dirinya diktator dan seolah-olah ia bergaul dengan gaulan-gaulan askar-askar bangsa Jawa, baharu ada suara itu – tentunya sudah terlambat. Sekarang ia, sebagaimana dahulu, telah menghidupkan penjajahan Jawa terhadap daerah-daerah lain dengan bertopengkan Kebangsaan. Pendapat ini beralasan bahawa jika ia

sebenarnya berjuang kerana kebangsaan – tidak hanya mengikut kemahuannya – sudah tentu ia boleh menyelesaikan perkara pertelingkahan sekarang dengan aman – tidak dengan kekerasan. Dengan kekerasan ertiannya menghidupkan dendam dan permusuhan di antara bangsa-bangsa di daerah dengan orang Jawa apa lagi sememangnya perkara ini telah dirasa oleh daerah sebelum kejadian itu di mana apabila pegawai-pegawai orang Jawa diletakkan di daerah maka kakitangannya diutamakan pula orang Jawa sedang orang-orang daerah itu dikebelakangkan atau diketepikan. Perasaan penjajahan Jawa ke daerah-daerah itu sememangnya terasa pada masa sesudah penyerahan kedaulatan. Sekarang penjajahan Jawa itu dilaksanakan dengan kekuatan tentera oleh Sukarno.

* * *

Dr. Muhammad Hatta bekas wakil Presiden Indonesia telah menyatakan bahawa ia tidak mahu lagi berunding dengan Sukarno – dan dengan itu juga jawatankuasa yang cuba mengembalikan hubungan di antara keduanya juga dibubarkan. Hatta harus berkeyakinan bahawa kalau mahu bekerjasama hanya satu jalan sahaja iaitu jadi ((perkasa)) Sukarno, sedang ia sendiri ada mempunyai pengertian sendiri, pengertian yang bertujuan membawa kemakmuran rakyat – bukannya menjadikan hak negara dibolot oleh kamahuan Sukarno – segala hasil mahsul semuanya diletakkan di dalam kekuasaan-Nya sehingga akhirnya daerah-daerah mengambil langkah-langkah sendiri kerana kebaikan daerahnya – lalu tidak mahu patuh lagi kepada pusat yang membolot segala hasil-hasil daerah itu. Kalau Hatta berkemahan supaya di Indonesia diadakan negara persatuan iaitu dengan daerah-daerah diberi kuasa autonomi yang luas maka pengertian ini dipandang Sukarno berlawanan dengan dasarnya dan kerana itu ia

mengerah orang-orang dan akhbar-akhbar yang dibelanjainya untuk menuduh Hatta sebagai perkakas Belanda dan perkakas Barat. Jadi benar sungguh kata Hatta bahawa tidak ada gunanya lagi berunding dengan Sukarno yang kemahuannya sahaja mesti diturut sehingga ia boleh membuat dua muka dalam membentuk Jemaah Menteri Juanda iaitu dengan sifatnya sebagai rakyat Indonesia ia berhak menjadi pembentuk Jemaah Menteri sedang ia seorang Presiden yang tidak berhak berbuat demikian. Ia yang membuat undang-undang sedang ia sendiri pula kepala pelanggar undang-undang maka dengan orang yang demikian inikah Hatta akan berunding? Pada hal dikenal sebagai orang kuat mempertahankan undang-undang?!

* * *

Sejarah mengulang riwayatnya – demikian selalu disebut. Adanya Republic Revolucioner di Padang di Sumatera dan di Sulawesi sekarang membuktikan kebenarannya. Dalam perjuangan melawan Belanda dahulu maka pahlawan Sumatera Tengah, Imam Bonjol, berkesudahan dengan diasingkan ke Menado dan beliau meninggal dan dimakamkan di sana. Adakah ruh Imam Bonjol itu berdoa semoga suku-suku yang dilakukan Belanda (yakni Belanda menggunakan orang-orang Menado menundukkan Padang) sekarang telah dapat bersatu menentang penjajahan daripada Jawa? Soal ini masing-masing boleh kita lihat kelak.

* * *

Orang-orang sekarang gempar dengan adanya suatu cara pungutan derma untuk menipu orang ramai dengan mengatakan bahawa apabila botol yang berisi azimat dan diletakkan di dalam kapan orang yang mati tak dapat tiada akan melepaskan orang itu dari soal Munkar Nakir. Azimat dalam botol ini khabarnya dijual untuk derma

sekolah agama di Seberang Prai. Daripada ini sekarang nampak bahawa rupanya banyak lagi madrasah-madrasah yang diajarkan pengertian bahawa dengan suratan-suaratan sahaja orang akan terlepas dari siksa kubur. Kalau beginilah keadaan beragama di negeri ini, seperti yang boleh ditakrifkan kepada pemegang Mohor Raja-raja Melayu, agama yang biasa dijalankan di negeri ini maka orang ramai hanya mengucapkan *lā hawla wa lā quwwata illā billāh!* Beginilah caranya yang dikehendaki dengan agama yang sebenar?

* * *

Ulama di Perak, menurut berita akhbar, dikatakan telah menyatakan supaya kitab ((Ibadah Rasulullah (SAW))) diharamkan kerana ia menyalahi ajaran al-Imām al-Shafi‘ī. Orang-orang di Perak juga telah menulis kepada ((Qalam)) bertanya: Bagaimana pula halnya pungutan zakat fitrah paksa di Perak, yang sekarang dijalankan tidak mengikut ajaran al-Imām al-Shafi‘ī? Orang di Singapura pula hanya mengatakan kena perut dipicingkan, kena mata dipejamkan – toma di sebarang nampak, gajah di tepi mata tak nampak. Begitulah pendapat mereka – kalau menyimpang pendapat al-Imām al-Shafi‘ī salah tetapi mereka juga melanggar ajaran al-Imām al-Shafi‘ī – bagaimana?

* * *

Sesudah terbit sebuah akhbar Harian Melayu, maka ((akhbar lama)) yang dahulunya setengah mengharamkan atau sekurang-kurangnya mengenepikan berita-berita PAS sekarang ini telah banyak menyiaran berita-berita PAS. Dahulunya sejuk kadang-kadang tidak tersiar langsung. Sebabnya tentulah perkara biasa – melihat PAS sekarang bertenaga maka tentulah ia berharap kelak jangan orang PAS boikot kepadanya – kalau boikot payah – harus kena gulung tikar. Taktik ini biasa dan selalu dibuat oleh orang kiri – kalau menguntungkan kepada dirinya tidak apa jadi *muzabzab* – bermuka-muka ke sana ke mari seperti pucuk ru.